

# UMS latih agensi kerajaan kenal, urus cendawan toksik

NST 8-8-2019 6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP) komited dalam memberi perkongsian ilmu serta latihan berkaitan pengenalan dan pengurusan cendawan toksik khususnya di Sabah kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan serta komuniti setempat.

Usaha tersebut dilakukan melalui penganjuran Kursus Cendawan Toksik Di Sabah: Pengenalan dan Pengurusan 2019 yang dianjurkan IBTP buat kali kedua dengan kerjasama Pusat Komuniti dan Kelestarian Universiti Malaya (UMCares).

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul, penyelidikan kulat merupakan salah satu daripada niche UMS di bawah bidang penyelidikan Biodiversiti dan Kelestarian Alam Sekitar dengan penekanan mengenai kulat yang boleh dimakan (Edible Mushroom).

"Oleh itu, IBTP mengambil inisiatif mengadakan Kursus Cendawan Toksik untuk pengajaran dan kesedaran kepada masyarakat serta melatih agensi kerajaan terlibat seperti Inspektor Kesihatan, Renjer Hutan, dan masyarakat luar bandar mengenai cendawan yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan.

"Kursus ini dijalankan adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang cendawan dan toksin yang terkandung dalam cendawan serta cendawan yang digunakan

dalam bidang perubatan terutamanya dalam bidang kulineri dan terapeutik di samping memberi latihan pengecaman dan kurasi cendawan kepada para peserta," katanya dalam ucapan perasmian penutupan kursus tersebut yang berlangsung di Bilik Seminar, IBTP.

Teks ucapan beliau disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UMS, Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar.

Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah turut memaklumkan bahawa seramai 64 peserta dari pelbagai latar belakang dan jabatan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Pejabat Kesihatan Papar, Pejabat Kesihatan Daerah Beluran, Pejabat Kesihatan Kudat, Pejabat Kesihatan Daerah Pitas, Koperasi Pembangunan Desa, Jabatan Hutan Sarawak, Yayasan Sabah, dan Komuniti Kampung Gana, Kota Marudu menyertai kursus tersebut, iaitu peningkatan jumlah penyertaan sebanyak 30% berbanding tahun sebelumnya.

"Penyertaan dari agensi-agensi ini penting bagi memastikan pengurusan cendawan dapat dijalankan secara sistematik kelak khususnya bagi menangani kes laporan toksik diterima oleh Jabatan Kesihatan di mana-mana daerah yang berkaitan.

"Ini kerana statistik keracunan cendawan yang dilaporkan sehingga 2019 adalah 113 kes dan 2 kes kematian adalah di Sabah, dan ini



SIJIL...Dr Normah menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta.

perkara yang harus dipandang serius serta dihindari daripada berlaku," katanya.

Kursus yang berlangsung selama sehari itu menyaksikan tiga ceramah disampaikan iaitu identifikasi cendawan, toksin dalam cendawan, dan cendawan dalam perubatan, selain aktiviti kerja lapangan mencari cendawan di sekitar IBTP (ex-situ) bagi memberi pengalaman secara

hands-on kepada para peserta.

Hadir sama pada majlis tersebut Pengarah IBTP, Prof. Madya Dr. Monica Suleiman; Ketua Pusat Penyelidikan Cendawan UM, Prof. Dr. S. Vikineswary Sabaratnam; dan Pakar Perubatan Kesihatan Awam KKM, Dr. Mohd. Hanif Zailani serta Pensyarah UM, Dr. Tan Yee Shin selaku penceramah undangan.